# الموضوع الخامس: نماذج من النثر للعصر الجاهلي

## TAJUK KELIMA: CONTOH2 DARI NASAR ZAMAN JAHILIAH

## ذو الإصبع العدواني يوصي ابنه

## ZUL ISBA' AL–'ADWANI BERWASIAT KEPADA ANAKNYA

| | |
|---|---|
| Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya bapamu telah **musnah** (**menua**) dan masih hidup, dan telah menjalani kehidupan sehingga bosan dengan hidupnya. Dan sesungguhnya aku mewasiatkan kepadamu dengan sesuatu yang sekiranya kamu menjaganya nescaya kamu telah mencapai dalam kaummu sesuatu yang aku telah capai dahulu. Maka ketahuilah dan amalkanlah daripadaku: **Berlemah lembutlah kepada manusia** maka mereka akan mencintaimu, dan bersikap rendah hati lah nescaya mereka akan mengangkat kedudukanmu, sambut mereka dengan wajah yang selalu berseri maka mereka akan mentaatimu, dan janganlah **kamu bersikap kikir** (**kedekut**) maka mereka akan menghormatimu. Muliakanlah anak kecil mereka sebagaimana engkau mencintai orang2 dewasa di antara mereka, maka anak kecil tadi akan tumbuh dengan kecintaan kepadamu, **mudahkanlah hartamu untuk kau berikan**, hormatilah tetanggamu dan tolonglah orang yang meminta pertolongan, muliakanlah tetamu, dan bergegaslah **bangkit** untuk membantu orang yang meminta pertolongan, maka sesungguhnya ajal | يَا بُنَيَّ إِنَّ أَبَاكَ قَدْ **فَنِيَ** وَهُوَ حَيٌّ، وَعَاشَ حَتَّى سَئِمَ العَيْشَ، وَإِنِّي مُوصِيكَ بِمَا إِنْ حَفِظْتَهُ بَلَغْتَ فِي قَوْمِكَ مَا بَلَغْتُهُ، فاحْفَظْ عَنِّي :**أَلِنْ جَانِبَكَ** لِقَوْمِكَ يُحُبُّوكَ، وَتَواضَعْ لَهُمْ يَرْفَعُوكَ، وَابْسُطْ لَهُمْ وَجْهَكَ يُطِيعُوكَ، وَلا **تَسْتَأْثِرْ** عَلَيْهِمْ بِشَيْءٍ يُسَوِّدُوكَ، وأَكْرِمْ صِغَارَهُمْ كَمَا تُكْرِمُ كِبَارَهُمْ، يُكْرِمْكَ كِبَارُهُم، ويَكبُرْ عَلَى مَوَدَّتِكَ صِغَارُهُمْ، و**اسْمَحْ بِمَالِكَ**، وَاحْمِ حَرِيمَكَ، وأعزِزْ جَارَكَ، وأَعِنْ مَنْ اسْتَعَانَ بِكَ، وَأَكْرِمْ ضَيْفَكَ، وأسْرِع **النَّهضَةَ** في الصَّرِيخِ، فإنَّ لَكَ أجَلًا لا يَعْدُوكَ وصُنْ وَجْهَكَ عَنْ مَسْأَلَةِ أَحَدٍ شَيْئًا، فَبِذَلِكَ يَتِمُّ سُؤْدَدُكَ. |

| | |
|---|---|
| maut itu tidak dapat kamu jangka, dan selalulah berseri ketika menghadapi orang yang meminta-minta, maka dengan itu semua sempurnalah karismamu. | |
| 1. **PENGENALAN TENTANG PEWASIAT**:<br>– **Namanya**: Hursan bin Muharris al-'Adwani.<br>– **Nasab keturunannya**: Kepada ('Adwan) al-Mudhoriyyah. Seorang tokoh prosa dan penyair drpd Zaman Jahiliah. Dan dia dinamakan Zul Isba' kerana jari kakinya lebih. Dan ada pendapat mengatakan: bahawa sebab penamaannya adalah kerana seekor ular telah mematuk ibu jari kakinya sehingga jarinya putus/terpotong. Dia telah dikurniakan umur yang panjang, dan terkenal dengan kemahiran menunggang kuda dan kata-kata hikmah. | **١. التعريف بالموصي**:<br>– **اسمه**: حُرثان بن محرّث العَدْوَاني.<br>– **نسبه**: إلى( عَدْوَان) المضريَّة .ناثرٌ وشاعرٌ من العصر الجاهلي، وسُمِّي ذا الإصبعِ لأنَّه كانت برجله إصبع زائدة، وقيل :إنَّ سبب التسمية أنَّ حيَّةً نهشت إبهام رجله فقطعها، وقد عُمِّر طويلاً، واشتهر بالفروسية والحِكَمِ. |
| 2. **LATAR BELAKANG WASIAT**:<br>Ketika mana telah meningkat usia Zul Isba' dan dia merasakan ajalnya hampir tiba, dia mengambil keputusan untuk berwasiat kepada anaknya, Usaid dengan wasiat2 yang bermanfaat, yang disimpulkan daripada pengalaman2nya dalam kehidupan, mudah2an anaknya dapat mengambil manfaat daripadanya pada masa hadapan, dan bersiap sedia dengannya untuk memimpin (kedaulatan) dan memperoleh kemuliaan.. | **٢. مناسبة الوصية**:<br>لما تقدَّمت سِنُّ ذي الإصبع، وأحَسَّ قرب أجله، أخَذ يُوصي ابنه أُسيدًا بطائفةٍ من الوصايا النافعة، المستخلصة من تجاربه في الحياة، لعل ابنه ينتفع بها في مستقبل حياته، ويتهيأ بها للسيادة والشرف. |
| 4. **MAKNA KOSA KATA**:<br>- **Musnah** : meningkat usianya<br>- **Berlemah lembutlah kepada manusia** : jadilah orang yg merendah diri | **٣. معاني المفردات**:<br>**فَنِيَ** : كبرت سنه<br>**أَلِنْ جَانِبَكَ** : كن متواضعًا |

| | |
|---|---|
| – **Kamu bersikap kikir** (**kedekut**) : mengkhususkan/menghadkan<br>- **Mudahkanlah hartamu untuk kau berikan** : jadilah orang yang dermawan dan pemurah<br>- **Bangkit**: persediaan dan mendirikan | **تَسْتَأْثِرْ** : تخص<br>**اسْمَحْ بِمَالِكَ** : كن سخيًّا جوادًا<br>**النَّهضَةَ** : الاستعداد والقيام |
| **5. <u>ISI PENTING WASIAT</u>:**<br>1. Zul Isba' memulakan ucapannya dengan menarik minat anak lelakinya kepada menyampaikan wasiat dengan redha dan penerimaan yang baik.<br>2. Sang bapa akan menerima kematian, dan tampuk kepimpinan kabilah akan berpindah kepada anak lelakinya, dan dia mengharapkan anaknya dapat mengambil manfaat daripada wasiatnya pada masa hadapan; untuk menjaga kepimpinan kaumnya dan memerintah mereka.<br>3. **Nasihat sang bapa kpd anak lelakinya sebagaimana berikut**:<br>(Alif) Hendaklah bergaul secara lemah lembut dengan kaum supaya mereka mencintainya.<br>(Ba) Hendaklah menyambut mereka dengan wajah berseri-seri (ceria) dan berlapang dada, dan hendaklah merendah diri dengan mereka supaya mereka meninggikan kedudukannya dan mentaatinya.<br>(Jim) Memberi amaran kepadanya supaya tidak bersikap angkuh dan bersikap kikir (kedekut) dengan kaumnya, dan mematuhinya merupakan jalan kepada kedaulatan dan kepimpinan. | **٤. <u>أفكار الوصية</u>:**<br>**١.** استهل ذو الإصبع كلامه باستمالة ابنه إلى تلقي الوصية بالرضا والقبول الحسن.<br>**٢.** الأب يقبل على الموت، وتوشك زعامة القبيلة أن تنتقل إلى ابنه، الذي يرجوه أن ينتفع بوصيته في مستقبل حياته؛ ليحافظ على زعامة قومه، وسيادته فيهم.<br>**٣. نصح الأب ابنه بما يأتي:**<br>(أ) أن يعامل قومه باللين، وأن يترفّق بهم ليحبوه.<br>(ب ) أن يلقاهم بوجه طلق وصدر منشرح، وأن يتواضع لهم ليرفعوه ويطيعوه.<br>(ج) تحذيره من الأنانية واختصاص نفسه بشيء دون قومه، وامتثال ذلك طريق للسيادة والزعامة. |

| | |
|---|---|
| (Dal) Hendaklah memuliakan anak kecil mereka sebagaimana engkau mencintai orang2 dewasa di antara mereka, demikian itu kerana dengan memuliakan orang2 dewasa maka anak kecil tadi akan tumbuh dengan kecintaan kepadanya.<br>(Ha) Hendaklah menghias diri dengan sifat mulia (pemurah); maka orang yang bakhil tidak dapat memimpin kaumnya, dan tiada tempat baginya dalam hati mereka. Dan hormatilah tetangga dan tolonglah orang yang meminta pertolongan, muliakanlah tetamu, dan bergegaslah bangkit untuk membantu orang yang meminta pertolongan.<br>4. Sifat pengecut tidak memanjangkan umur, sebagaimana sifat berani tidak mempercepatkan kematian.<br>5. **Drpd sifat2 pemimpin yg mulia**:<br>Suka berkorban dan dermawan, mampu mempertahankan jirannya dan membela hak2 mereka, dan hendaklah ringan dalam memberi pertolongan dan selalu berwajah berseri ketika menghadapi orang yang meminta-minta. | (د) أن يكرم صغار قومه كما يكرم كبارهم، وذلك مدعاة لأن يكرمه الكبار، وينشأ على محبته الصغار.<br>(هـ) أن يتحلّى بالكرم؛ فالبخيل لا يسود قومه، ولا مكان له بينهم، وأن يذود عن الحمى، وإعزاز الجار، ونصرة الضعيف، وأن يسرع في إنقاذ المستجير.<br>٤. الجبن لا يطيل العمر، كما أن الشجاعة لا تسرع بالموت.<br>**٥. من صفات السيد الشريف:**<br>البذل والسخاء، وأن يكون عزيزًا يحمي جاره ويرعى حقوقه، وأن يخف للنجدة، وأن يصون وجهه عن ذُل السؤال. |
| 5. **PENGAJARAN DRPD WASIAT INI**:<br>1. Seseorang yang panjang umur akan memperoleh pengalaman yang bermanfaat.<br>2. Berlemah-lembut dengan manusia dapat merealisasikan kasih-sayang antara mereka.<br>3. Merendah diri merupakan sebab ketinggian manusia. | **٥. ما يستفاد من هذه الوصية:**<br>١. طول العمر يكسب الخبرة النافعة.<br>٢. الرفق بالناس يحقق الحب بينهم.<br>٣. التواضع من أسباب رفعة الإنسان. |

| | |
|---|---|
| 4. Memberikan senyuman ketika berjumpa seseorang membawa kepada ketaatan dan kasih sayang.<br>5. Mengutamakan orang lain merupakan jalan kedaulatan dan kemuliaan/keagungan.<br>6. Memuliakan yang muda dan mengasihi mereka menjadikan mereka membesar sebagai orang yang menyayangi dan menghormati orang tua. | **٤.** البشاشة عند اللقاء تدعو إلى الطاعة والمحبة.<br>**٥.** الإيثار طريق السيادة والمجد.<br>**٦.** إكرام الصغار والعطف عليهم يجعلهم يكبرون على حب الكبار واحترامهم. |
| **6. ANTARA ASPEK2 KEINDAHAN**:<br>**1**) **Kinayah** (kiasan):<br>- Sesungguhnya bapamu telah musnah (menua) dan masih hidup, dan telah menjalani kehidupan sehingga bosan dengan hidupnya.: (kinayah kepada umur yang panjang).<br>- Berlemah lembutlah kepada manusia: (kinayah kepada pergaulan yang baik).<br>- Sambut mereka dengan wajah yang selalu berseri: (kinayah kepada perjumpaan yang baik).<br><br>**2**) **Tasybih Mujmal** (Perumpamaan yg dibuang wajhu syabbah):<br>- أَكْرِمْ صِغَارَهُمْ كَمَا تُكْرِمُ كِبَارَهُمْ<br><br>3) **Tibaq** (Ada satu pasangan kata berlawan di dalam satu ayat):<br>- (فَنِيَ، حي) | **٦. مِنْ مواطن الجمال:**<br>**١) كناية:**<br>- إِنَّ أَبَاكَ قَدْ فَنِيَ وَهُوَ حَيٌّ، وَعَاشَ حَتَّى سَئِمَ العَيْشَ<br>- أَلِنْ جَانِبَكَ<br>- ابْسُطْ لَهُمْ وَجْهَكَ<br><br>**٢) تشبيه مجمل:**<br>- أَكْرِمْ صِغَارَهُمْ كَمَا تُكْرِمُ كِبَارَهُمْ<br><br>**٣) الطباق:**<br>- (فَنِيَ، حي) |

| | |
|---|---|
| – (تواضع، يرفعوك)<br>– (صغارهم، كبارهم)<br><br>4) **Uslub Khobari** (kata2 yg boleh jadi benar dan boleh jadi dusta): ditegaskan dgn (إنّ) dan (**قد**)<br>– إنّ أباك قد فني<br><br>5) **Uslub Insya'i** (kata2 yg tidak membawa kebenaran dan kedustaan): **berbentuk kata suruhan**<br>– أَلِنْ جَانِبَكَ<br>– تواضع لهم<br>– ابسط<br>– أكرم<br>– اسمح<br>– احم<br>– اعزز<br>– أعن<br>– صن | – (تواضع، يرفعوك)<br>– (صغارهم، كبارهم)<br><br>**٤) أسلوب خبري**: مؤكد بـ (إنّ) و (قد)<br>– إنّ أباك قد فني<br><br>**٥) أسلوب إنشائي**: نوعها **أمر**<br>– أَلِنْ جَانِبَكَ<br>– تواضع لهم<br>– ابسط<br>– أكرم<br>– اسمح<br>– احم<br>– اعزز<br>– أعن<br>– صن |

| | |
|---|---|
| 5) **Uslub Insya'i** (kata2 yg tidak membawa kebenaran dan kedustaan): berbentuk **kata larangan**<br>– لا تستأثر | **٦) أسلوب إنشائي:** نوعها **نهي**<br>– لا تستأثر |
| **7. CIRI2 KESENIAN BAGI GAYA BAHASA PEWASIAT:**<br>1. Pewasiat yang bijaksana mempelbagaikan gaya bahasa: khobari dan insya'i.<br>2. Menggunakan beberapa gambaran penerangan dan keindahan ilmu badi' untuk penerangan.<br>3. Isinya jelas, dan lafaznya dijelaskan.<br>4. Cenderung kpd penerimaan dan husnu ta'lil.<br>5. Menggunakan ayat yg pendek, ringkas, dan mendalam dalam penerangan. | **٧. الخصائص الفنية لأسلوب الموصي:**<br>**١.** نوّع الحكيم الموصي بين الأسلوبين :الخبري والإنشائي.<br>**٢.** استعمل بعض الصور البيانية والمحسنات البديعية للتوضيح.<br>**٣.** أفكاره واضحة، وألفاظه معبرة.<br>**٤.** مال إلى الإقناع وحسن التعليل.<br>**٥.** استخدم الجمل القصيرة، والإيجاز، والدقة في التعبير. |
| **8. PERIBADI ZUL ISBA' MENERUSI WASIATNYA:**<br>1. Pemimpin yang mempunyai tanda2 kedaulatan dan kepimpinan.<br>2 Menyayangi anak lelakinya, dan mengambil berat masa hadapannya.<br>3. Lelaki berjiwa rakyat yang tahu cara bergaul dengan manusia.<br>4 Pemimpin yang disayangi kaum kerabat dan ahli keluarganya, pemikirannya menunjukkan kekuatan peribadinya, dan akal fikiran yang bernas. | **٨. شخصية ذي الإصبع من خلال وصيته:**<br>**١.** زعيم قوم يتحلى بعلامات السيادة والرئاسة.<br>**٢.** يحب ابنه، ويحرص على مستقبله.<br>**٣.** رجل اجتماعي يعرف كيفية التعامل بين الناس.<br>**٤.** زعيم محبوب عند عشيرته وأهله، تفكيره يدل على قوة شخصيته، ورجاحة عقله. |